

Utusan Malaysia : 6 November 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

PERPADUAN UMMAH MELAYU

Perpaduan ummah dalam kalangan orang Islam merupakan keperluan utama, sejagat dan kunci kepada pembentukan jati diri dan kestabilan masyarakat yang berteraskan kesucian Islam. Ia perlu dijadikan agenda utama dalam menyemarakkan semangat keharmonian dalam kalangan ummah.

Tregeedi yang berlaku diseluruh dunia yang melibatkan negara Islam ketika ini wajar dijadikan pedoman supaya tiada pihak dengan mudah memperkotak-katikan agama dan orang Islam. Sambutan Hari Kebangsaan ke-58 yang bertema “*sehati sejiwa*” baru-baru ini amat bersesuaian dengan semangat ini ke arah memupuk perpaduan yang jitu dalam kalangan umat Islam dan masyarakat makmuk di negara ini.

Bangsa Melayu adalah umat utama yang mempertahankan Islam di negara ini dan mereka wajar selalu diperingatkan dan digerakkan. Senario politik dalam negara sejak kebelakangan ini membuktikan bahawa bangsa Melayu tidak boleh lagi leka terutamanya cubaan oleh individu dan pihak tertentu yang cuba memecahbelahkan umat islam. Jika usaha mereka berjaya, para profesional dan usahawan Melayu yang selama ini berkembang pesat sudah tentu akan terjejas dan menerima tamparan yang hebat.

Perpaduan ummah sangat besar nilainya. Malah perpaduan ummah yang jitu mempunyai banyak hikmah dan ia ‘jambatan emas’ yang menuju ke arah pencapaian keamanan dan keharmonian masyarakat. Ia juga akan terus membantu kepada penyampaian perkhidmatan secara holistik serta meneruskan kesinambungan kepada peranan dan sumbangan besar para profesional dan usahawan di negara ini.

Kita wajar mencontohi misi utama dakwah yang diperjuangkan oleh Rasulullah SAW untuk perpaduan ummah. Kejayaan Rasulullah SAW mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar di Madinah adalah satu peristiwa yang paling bersejarah dalam perkembangan tamadun Islam. Golongan profesional dan usahawan juga turut berkembang dengan pesat pada zaman itu. Kita mesti segera kembali kepada ajaran dan mengikuti segala saranan junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW bagi mengelakkan kehancuran umat Islam.

Apa juga faktor yang diutarakan oleh para penganalisis, kita sebagai umat Islam perlu sedar bahawa punca utama kepada perpecahan ketika ini disebabkan tidak berpegang dan meninggalkan ajaran al-Quran, sunnah dan nasihat ulama. Sesetengah orang didorong untuk mengikut hawa nafsu individu atau kelompok tertentu yang mempunyai agenda untuk meruntuhkan perpaduan.

“Golongan yang tidak mahu melihat umat Islam dan Melayu bersatu dan kuat sebenarnya sudah terhakis semangat Islam dan kemelayuannya atau bimbang mereka tidak lagi dapat mengambil kesempatan daripada para usahawan dan pembuat dasar dalam kalangan Muslim sekiranya ummah berpegang kuat pada ajaran Islam dan bersatu”

Pembangunan ummah bermula daripada pembangunan pendidikan bersama keluarga dan masyarakat yang seterusnya bertanggungjawab membangunkan sahsiah, keluarga, kejiwaan, masyarakat, negara, ekonomi, kebudayaan, sains, teknologi. Perpaduan yang jitu akan menggerunkan musuh dan pengkhianat Islam, disamping dapat mengukuh dan memudahkan para profesional dan usahawan untuk membangunkan negara. Sejarah negara sudah membuktikan bahawa apabila umat bersatu dan kuat, pihak profesional dan usahawan Islam juga berkembang pesat.

Golongan yang tidak mahu melihat umat Islam bersatu dan kuat sebenarnya sudah terhakis semangat Islamnya. Mereka bimbang tidak dapat lagi mengambil kesempatan secara tidak adil dan zalim daripada usahawan dan pembuat keputusan dasar yang telah diberi kuasa dalam kalangan Muslim sekiranya ummah berpegang kuat kepada ajaran Islam dan bersatu.

Perpaduan ummah amat ditekankan dalam Islam kerana dengan semangat ini kita akan lebih dihormati dan tidak mudah diperkotak-katikkan sehingga bergaduh sesama sendiri. Ia bersesuaian dengan cita-cita setiap manusia untuk hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera selamanya.

Allah berfirman, maksudnya: *‘Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain)’. (Surah Al-Hujarat: Ayat 13).*

Perpecahan ummah membawa implikasi yang amat buruk keatas umat Islam. Antaranya mengurangkan kesempurnaan iman, hilangnya kehebatan ummah dari kaca mata musuh Islam, dijajah dan ditindas oleh musuh, mencemar imej Islam, mendatangkan kemurkaan dan menghilangkan rahmat Allah SWT seperti kurangnya hasil pendapatan dan produktiviti, kemusnahan ummah dan bencana alam.

Disamping itu, berita-berita sensitif yang menyentuh kaum lain seperti fitnah, buruk sangka, dan khabar angin yang dimainkan oleh media sisoal dan lain-lain tanpa diselidik kesahihannya boleh membawa kepada kerenggangan kaum. Dalam jangka panjang, ini juga boleh meruntuhkan etika keusahawanan dan profesional ummah jika tidak dikawal.

Segala usaha bagi megukuhkan perpaduan ummah perlu disokong sepenuhnya kerana kita tidak boleh membiarkan umat Melayu selama-lamanya berpecah-belah hingga melemahkan mereka. Umat Melayu bukanlah dicipta Allah SWT sebagai bangsa yang

lemah. Umat Melayu adalah bangsa yang berdaulat dan mempunyai kekuatan cukup hebat sebelum ini tetapi dari semasa ke semasa 'kedaulatan' itu semakin pudar dan kekuatan pula semakin terhakis.

Kita wajar merenung dan berfikir sejenak. Keadaan ini berlaku bukan kerana orang lain. Jangan salahkan pihak lain tetapi orang Melayu sendiri yang patut menyalahkan diri sendiri. Meraka yang membuka ruang dan peluang kepada orang lain untuk mengambil kesempatan atau bak kata pepatah Melayu 'Menangguk di air yang keruh'

Negara kita kini sudah berjaya melahirkan ramai golongan profesional dan usahawan, namun masih belum dapat mengukuhkan perpaduan ummah. Kematangan dan kecemerlangan kita dalam bidang profesional dan usahawan belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kita mungkin melahirkan ramai dari golongan ini, namun umat Islam dan Melayu masih mengharapkan kebijaksanaan mereka untuk menyatukan ummah. Ini amanah yang diberikan kepada mereka dan mesti mula mengatur perancangan yang teliti untuk menyelamatkan ummah.

Dalam falsafah menjaga kesinambungan nasib bangsa kita sudah lama tertanam semangat perpaduan sehingga lahir ungkapan "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh".